



**IBU PEJABAT MARITIM NEGERI TERENGGANU
AGENSI PENGUATKUASAAN MARITIM MALAYSIA
KEMENTERIAN DALAM NEGERI
JALAN HILIRAN,
20300 KUALA TERENGGANU
TERENGGANU DARUL IMAN**



Tel : 09-6223657
Faks : 09-6223986

SIARAN MEDIA

**MARITIM NEGERI TERENGGANU SELAMATKAN BOT NELAYAN TEMPATAN ROSAK
BERHAMPIRAN PELANTAR MINYAK TAPIS R, TERENGGANU**

Kuala Terengganu, 2 Julai – Agensi Penguatankuasaan Maritim Malaysia (Maritim Malaysia) Negeri Terengganu menyelamatkan sebuah bot tempatan yang mengalami kerosakan 'propeller' kira-kira 0.5 batu nautika dari pelantar minyak Tapis R, Terengganu semalam.

Pengarah Maritim Negeri Terengganu, Kepten Maritim Muhammad Suffi Mohd Ramli memaklumkan sejurus menerima maklumat tersebut KM Langkawi yang berada berhampiran telah diatur gerak ke lokasi tersebut.

Pada jam lebih kurang 1 pagi, KM LANGKAWI berjaya menemui sebuah bot bersama kesemua awak-awak dan tekong seramai 13 orang kesemuanya warga tempatan berada dalam keadaan baik.

Bot bersama kesemua mangsa ditunda oleh anggota KM Langkawi dengan menggunakan sebuah bot nelayan asing Vietnam yang telah ditahan sebelumnya oleh KM Langkawi ke Jeti Maritim Negeri Terengganu untuk tindakan selanjutnya.

Jelas Kepten Maritim Muhammad Suffi lagi, Maritim Malaysia sentiasa bersiap sedia memberikan perkhidmatan dan bantuan kecemasan kepada masyarakat terutamanya komuniti laut serta agensi-agensi Kerajaan apabila mengalami kecemasan di laut ataupun bencana.

**KEPTEN MARITIM MUHAMMAD SUFFI BIN MOHD RAMLI
PENGARAH MARITIM NEGERI TERENGGANU
02 JULAI 2020**

-TAMAT-

Sebarang pertanyaan,sila hubungi:-

Nama: Leftenan Madya (M) Muhammad Iqbal Manaf bin Isha

Jawatan: Pegawai Perhubungan Awam Maritim Negeri Terengganu

No Tel: 0182214566

Emel: iqbalmanaf@mmea.gov.my